

# 2 kakitangan PERHILITAN cedera pindah gajah

Oleh [Hazira Ahmad Zaidi](#) - Oktober 18, 2020 @ 6:49pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Operasi pemindahan gajah di Kuala Krai yang dilakukan hari ini. Foto ihsan PERHILITAN

**KUALA KRAI:** Dua kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan cedera ketika operasi pemindahan gajah di Kuala Krai, Jumaat lalu.

Pengarah PERHILITAN Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif, berkata seorang daripada kakitangan terbabit mengalami kecederaan ringan dan masih dirawat di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai manakala, seorang lagi hanya mendapat rawatan pesakit luar.

"Pihak kami memandang serius perkara ini dan sentiasa merujuk hospital untuk mengetahui perkembangan kakitangan tercedera dari semasa ke semasa.

"Ini antara cabaran perlu dihadapi anggota PERHILITAN ketika operasi pemindahan gajah yang berisiko, namun ia tidak mengekang kami daripada memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

"Keutamaan kami ialah keselamatan orang awam, walaupun umum mengetahui sesetengah kawasan itu habitat gajah liar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, habitat gajah semakin mengecil dan menjadi keperluan untuk perancangan pembangunan akan datang dengan lebih mampan dan mengambil langkah mitigasi agar manusia dan hidupan liar boleh 'hidup bersama' dengan selamat.

"Ia penting dalam menjamin kelestarian khazanah warisan negara ini." katanya.